

19.4.2023

Siaran Media

Ir. PATHMANATHAN K.  
CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP.

## **SPRWTS: SKIM PENYALURAN AIR MENTAH ANTARA NEGERI YANG MERUPAKAN BERITA BAIK UNTUK PULAU PINANG DAN PERAK**

- **SPRWTS mengoptimumkan sumber air mentah sedia ada yang kurang digunakan.**
- **Ia adalah penyelesaian paling kos efektif yang akan memberi impak paling rendah terhadap tarif air masa hadapan.**
- **Ia merupakan penyelesaian jangka panjang yang berpotensi menangani keperluan air mentah Pulau Pinang dan Perak sehingga 2050.**

PULAU PINANG, Rabu, 19.4.2023: Berita bahawa Perdana Menteri menerima pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) merupakan berita baik untuk Pulau Pinang dan rakyatnya.

Selain itu, pelaksanaan SPRWTS juga harus disifatkan sebagai berita gembira untuk rakyat Perak khususnya penduduk Utara Perak.

Pada 15.4.2023, Buletin Mutiara melaporkan bahawa Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima 3 isu yang dibangkitkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Salah satu daripada isu ini ialah SPRWTS.

### **LAPORAN TEKNIKAL KERAJAAN PERSEKUTUAN**

Pada Ogos 2022, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) (sebelum ini) berkongsi laporan bertajuk “Penilaian Opsyen dan Kajian Reka Bentuk Pra-Kejuruteraan bagi Cadangan Skim Penyaluran Air dari Sungai Perak untuk Bekalan Air di Utara Perak dan Pulau Pinang.” Berikut adalah beberapa petikan:

“Laporan akhir ini mengemas kini unjuran permintaan air dan pengairan bagi Utara Perak dan Pulau Pinang, berdasarkan maklumat terkini daripada LAP (Lembaga Air Perak) dan PBAPP, serta permintaan masa depan bagi daerah lain di Perak yang diperolehi daripada NAWABS (*National Water Balance Management System*) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

la juga memberi jaminan awal bahawa 1,500 MLD tersedia untuk diabstrakkan dari Sungai Perak, dengan minimum atau tiada gangguan aktiviti pihak berkepentingan lain di kawasan projek.

#### Keperluan Penyaluran Air Mentah

Perincian	Keperluan Sebenar (JLH)	Cadangan Kapasiti Sistem (JLH)
Permintaan untuk Utara Perak 2050	314	300
Permintaan untuk Pulau Pinang	714	700
Aliran tambahan ke EBM (Empangan Bukit Merah Dam di Perak)		500
Jumlah Kapasiti Penyaluran Air Mentah		1500

Persampelan kualiti air telah dilakukan di Sungai Perak, Sungai Ijok dan Empangan Bukit Merah untuk mendapatkan sampel in-situ yang kemudiannya diuji di makmal bertauliah. Semua sampel yang diperolehi menunjukkan air mentah yang berkualiti dan dikelaskan di bawah air mentah Kelas IIA yang sesuai untuk air minuman.”

Laporan teknikal ini jelas menggambarkan 2 fakta utama:

- SPRWTS akan memanfaatkan Pulau Pinang dan Perak; dan
- Skim penyaluran air mentah ini berdaya maju dari sudut kejuruteraan bekalan air.

#### RASIONAL UTAMA

3 rasional utama untuk SPRWTS:

1. Ia mengoptimumkan sumber air mentah sedia ada (Sungai Perak) untuk manfaat Pulau Pinang dan Perak. Perkongsian sumber untuk pembangunan wilayah dan pertumbuhan sosioekonomi adalah selaras dengan matlamat keseluruhan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Dari segi sumbangan kepada KDNK negara pada 2021, Pulau Pinang dan Perak merupakan dua negeri utama NCER yang menyumbang sejumlah RM175.7 bilion.
2. Ia adalah penyelesaian yang kos efektif. Kos pembangunan SPRWTS adalah lebih rendah daripada kos membangunkan penyelesaian berasingan untuk Pulau Pinang dan Perak. Merawat air mentah (sungai) untuk menghasilkan air yang boleh diminum masih merupakan pilihan yang paling menjimatkan untuk operasi bekalan air. Oleh itu, SPRWTS akan memberi impak yang paling rendah terhadap tarif air pada masa hadapan di Pulau Pinang dan Perak.

3. Ia adalah penyelesaian jangka panjang. SPRWTS mempunyai potensi untuk memenuhi keperluan air mentah Pulau Pinang dan Perak sehingga 2050.

## PULAU PINANG MEMERLUKAN SUMBER AIR MENTAH KEDUA

PBAPP perlu meneroka sumber air mentah kedua (dan alternatif) untuk Pulau Pinang kerana negeri itu telah menjadi “terlalu bergantung” kepada Sungai Muda sebagai satu-satunya sumber air mentah utamanya. Akibatnya termasuk:

- Sumber air mentah yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan. Penggunaan air Pulau Pinang meningkat sebanyak 62% dalam tempoh 23 tahun, daripada 536 JLH pada tahun 1999 kepada 868 JLH pada tahun 2022. Jika permintaan air Pulau Pinang terus meningkat pada kadar ini menjelang 2050, PBAPP mungkin tidak dapat mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda untuk memenuhi permintaan air terawat Pulau Pinang selepas 2030.
- Risiko tinggi krisis air ketika musim kemarau yang berpanjangan disebabkan oleh perubahan iklim, termasuk musim kemarau semasa yang bermula pada Januari 2023. Kira-kira 80% daripada air mentah yang digunakan oleh PBAPP untuk menghasilkan air terawat bagi Pulau Pinang setiap hari diabstrak daripada Sungai Muda. Apabila berlaku kekurangan air mentah dari Sungai Muda ketika musim kemarau yang berpanjangan, pasti akan berlaku krisis air di seluruh negeri di Pulau Pinang.
- Terdedah kepada kejadian dan kemalangan yang melibatkan Sungai Muda di Kedah seperti fenomena air yang sangat keruh kesan banjir kilat di Kedah yang mengganggu perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang pada Julai 2022.

Oleh itu, PBAPP menganggap SPRWTS sebagai penyelesaian sumber air yang paling rasional untuk Pulau Pinang. Ia akan mengurangkan risiko air negeri dengan ketara menjelang 2050.

Walau bagaimanapun, SPRWTS ialah projek penyaluran air mentah antara negeri berskala besar yang akan mengambil masa bertahun-tahun untuk direalisasikan. Bagi Pulau Pinang, ia mesti ditauliahkan sebelum 2030 untuk mengurangkan risiko krisis air yang besar.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : syarifah@pba.com.my